



# MUZAKARAH

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

KEPIMPINAN DAN KEKHALIFAHAN, GAGASAN KONSTRUKTIF ULAMA DAN UMARA

## KERTAS KERJA

KEPIMPINAN DAN ULIL 'AMRI DI TANAH MELAYU :  
SATU SOROTAN DARI ADAT MELAYU DAN PERLEMBAGAAN

DISEDIAKAN OLEH :  
PROF. DATO' DR. TEO KOK SEONG

TARIKH :  
25,26 dan 27 FEBRUARI 2018 (AHAD-SELASA)

TEMPAT :  
AMANJAYA CONVENTION CENTER CASUARINA@MERU,  
BANDAR MERU RAYA, IPOH

PENGANJUR:  
KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

## **KEPIMPINAN DAN ULIL ‘AMRI DI TANAH MELAYU: SATU SOROTAN DARI ADAT MELAYU DAN PERLEMBAGAAN**

Oleh:

**Prof. Dato’ Dr. Teo Kok Seong**

### **Abstrak**

Tulisan ini cuba berbicara tentang pemerintahan oleh kepimpinan (negara) di Tanah Melayu. Ini akan dilakukan dengan menyoroti pemerintahan dan kepimpinan di Malaysia, khususnya Semenanjung, dari dua sisi: (i) budaya Melayu, khasnya adat dan cara hidup etnik Melayu sebagai kelompok majoriti selain dominan, serta (ii) sistem perundangan negara yang tertinggi, khasnya tentang pelbagai prinsip bestari yang digubal bersama-sama oleh pemimpin etnik Melayu-Cina-India untuk mengurus tadbir negara.

### **Pendahuluan**

Negara ini, khususnya (Persekutuan) Tanah Melayu, pada mulanya adalah bersifat ekaetnik, yakni rara-ratanya terdiri daripada etnik Melayu sahaja. Akan tetapi, melalui penjajahan Inggeris yang membawa masuk etnik Cina dan India dalam jumlah besar pada pertengahan abad 19 dan awal abad 20, kependudukan Tanah Melayu bertukar daripada ekaetnik kepada multietnik.

Semasa mencapai kemerdekaan daripada Inggeris pada 1957, walaupun etnik Melayu masih merupakan kelompok majoriti, peratusannya hanyalah 49.78%. Sehubungan ini, etnik Cina membentuk 37.1%, manakala etnik India adalah 11.0% daripada keseluruhan penduduk.

## Perbincangan

Dalam memerintah sendiri, kita memilih kemajmukan sebagai dasar pembinaan negara (untuk statehood<sup>1</sup>) dan juga untuk pembentukan negara bangsa (nationhood<sup>2</sup>). Dengan ini, ia bermakna penduduk bukan asal, yakni etnik Cina dan India yang berada di negara ini, dibenarkan terus menuturkan bahasa ibunda mereka, mengamalkan budaya masing-masing, dan menganuti sistem kepercayaan yang diwarisi, untuk pembentukan negara bangsa (nationhood) khususnya.

Untuk makluman, kemajmukan berlawanan dengan asimilasi<sup>3</sup> yang mengkehendaki mereka yang bukan asal dalam sesebuah masyarakat atau negara itu, berubah menjadi seperti penduduk asal masyarakat atau negara berkenaan, sama ada dalam segenap hal ataupun sesetengah hal sahaja.

Manakala untuk pembinaan negara (statehood), lambang dan proses sosiobudaya Melayu dalam konteks adat Melayu pada tulisan ini, bukan sahaja diangkat untuk didukung sebagai identiti negara, lebih penting daripada itu, ianya ikut diangkat sebagai dukungan bagi identiti budaya. Antara lambang dan proses sosiobudaya Melayu itu ialah agama Islam, bahasa Melayu, kedudukan etnik Melayu dan institusi raja.

Pendukungan kesemua ini, sama ada agama Islam, bahasa Melayu, kedudukan etnik Melayu dan institusi raja baik untuk pembinaan negara (statehood) dan juga pembentukan negara bangsa (nationhood) dipersetuju bersama-sama oleh

<sup>1</sup> Ini merujuk kepada status serta keadaan sesebuah negara itu diurus tadbir sebagai sebuah negara berdaulat.

<sup>2</sup> Ia merujuk kepada rakyat yang diikat bersama berdasarkan perkongsian beberapa unsur yang bertujuan mengikat. Antaranya bahasa, budaya, kehidupan ekonomi dan komuniti politik.

<sup>3</sup> Asimilasi merupakan asas pembinaan negara di kebanyakan tempat di Asia Tenggara setelah memperoleh kemerdekaan. Ini termasuk Indonesia dan Filipina. Sehubungan ini, Thailand yang tidak pernah dijajah pun ikut mengkehendaki mereka bukan asal yang mahu terus menghuni di sana, dan juga yang asal (seperti minoriti Melayu di selatan), berubah untuk menjadi serupa dengan etnik Thai dalam banyak perkara, kecuali agama.

ketiga-tiga etnik ini (Melayu-Cina-India) dalam Perjanjian Etnik<sup>4</sup> menjelang kemerdekaan.

Persetujuan ini dicapai pertama-tamanya atas kesedaran bahawa negara ini, dahulu dan pada waktu kemerdekaan serta kini (dan pada masa hadapan), adalah negara Melayu<sup>5</sup>. Oleh itu, terdapat keperluan untuk terus mengekalkan entiti watan Melayu (yang dalam tulisan ini adalah adat Melayu). Dengan ini, agama Islam, bahasa Melayu, kedudukan etnik Melayu dan institusi raja, diangkat untuk didukung sebagai identiti budaya negara ini, antaranya bagi tujuan menghubungkan pemerintahan negara ini oleh pemimpinnya dengan sejarah Tanah Melayu.

Identiti budaya adalah bukan sahaja semata-mata jati diri sesebuah kelompok itu, ia juga berupa pengenalan dan pengecaman, iaitu identifikasi terhadap kelompok berkenaan kepada dan oleh pihak lain. Dengan ini, melalui identiti budaya yang berdasarkan adat Melayu, kita, iaitu negara ini dan rakyatnya, bukan sahaja diidentifikasi dengan budaya Melayu, yakni dalam konteks budaya Melayu sebagai teras penting lagi utama dalam kerangka kemajmukan yang ikut membenarkan kepelbagaiannya, negara ini dan rakyatnya juga terikat dengan budaya Melayu dari segi nasionalisme, khususnya dari segi hakikat sejarah lampau negara ini.

Setelah ditegakkan sebagai identiti budaya, agama Islam, bahasa Melayu, kedudukan etnik Melayu dan institusi raja ikut diangkat untuk didukung sebagai

<sup>4</sup> Ia sering juga dirujuk secara wewenang oleh masyarakat umum sebagai Kontrak Sosial. Perjanjian Etnik ini juga sering dikenali sebagai Permuafakatan Kemerdekaan kerana kerjasama antara etnik ini bukan sahaja penting, tetapi merupakan prasyarat untuk Inggeris memberi kemerdekaan.

<sup>5</sup> Bagi aliran pramodenis (kuno), pembinaan negara serta pembentukan negara bangsa perlu dikait secara eksplisit dengan zaman pramoden, yakni era lama dengan mengambil kira seluruh sejarah lampau melalui penekanan beberapa identifikasi politik yang penting. Untuk Tanah Melayu, Melaka adalah negeri/negara Melayu pertama dan ia berpengaruh sekali di kebanyakan tempat, malah di seluruh Semenanjung. Walaupun Melaka jatuh ke kuasa barat (misalnya Portugis dan Belanda), kewibawaannya sebagai kuasa Melayu di Tanah Melayu dan Nusantara tidak banyak terjejas dan masih tetap berada dalam keadaan utuh.

identiti negara. Sebagai identiti negara, keempat-empat unsur watan Melayu ini bukan sahaja dipupuk untuk menjadi sentimen sepunya dan aspirasi bersama, ianya juga sebenarnya adalah destini yang dikongsi bersama-sama oleh semua etnik.

Lambang dan proses sosiobudaya Melayu, yakni adat Melayu dalam konteks tulisan ini, sebagai kedua-dua identiti budaya dan identiti negara, yang dipersetuju oleh ketiga-tiga etnik Melayu-Cina-India, melalui Yang Mulia Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Cheng Lock dan Tun V.T. Sambanthan yang mewakili etnik masing-masing sebagai pemimpin, pada Perjanjian Etnik itu, bukan sahaja logik dan pragmatik semasa memperoleh kemerdekaan daripada penjajah Inggeris, ia kemudiannya ikut dijadikan sebahagian yang penting dalam Perlembagaan Persekutuan apabila kita merdeka pada 1957.

Logik dan pragmatiknya adat Melayu dalam hal ini ialah keperluan mengekalkan hakikat sejarah etnik Melayu di Tanah Melayu sebagai satu ideologi kenegaraan. Walaupun adat Melayu diangkat sebagai antara inti pati asas lagi dasar dalam Perlembagaan Persekutuan, ianya tidak sesekali mengganggu dan mengugat asas pembinaan negara (state building<sup>6</sup>) dan pembentukan negara bangsa (nation building<sup>7</sup>), yang tidak lain dan tidak bukan adalah kemajmukan yang diterajui oleh etnik Melayu.

Dengan perkataan lain, meskipun adat Melayu dijadikan landasan utama dalam Perlembagaan Persekutuan, khususnya pada empat perkara, iaitu agama Islam, bahasa Melayu, kedudukan etnik Melayu dan institusi raja, kepentingan etnik lain diberikan jaminan untuk bukan sahaja ikut, tetapi terus dilindungi.

Ini dapat dilihat untuk agama Islam pada Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Dalam pada mengangkat Islam sebagai agama persekutuan, agama lain bukan

<sup>6</sup> Ia melibatkan pelbagai dimensi, antaranya keselamatan, ekonomi, politik dan budaya.

<sup>7</sup> Ia melibatkan penyatuan rakyat untuk (lebih) bersatu padu selain mendukung identiti negara yang serupa.

sahaja dibenarkan terus diamalkan oleh mereka yang menganutinya, ia juga dibenarkan terus dikembangkan di negara ini, kecuali untuk tujuan dakwah dalam kalangan etnik Melayu sebagai komuniti Muslim yang sama sekali menjadi larangan tegas.

Hal yang sama, yakni perlindungan terhadap warisan etnik lain, dapat dilihat untuk bahasa Melayu pada Perkara 152. Walau diangkat sebagai bahasa negara yang berperanan sekali gus sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi, bahasa lain tidak sesekali dihalang daripada diajar, dipelajari dan digunakan, kecuali dalam bidang rasmi negara.

Kedudukan etnik Melayu yang diberi keistimewaan pada Perkara 153 dalam bentuk perlindungan untuk beberapa perkara, antaranya perjawatan dalam sektor awam, penganugerahan biasiswa pendidikan serta pemberian lesen dan permit perniagaan, juga tidak sesekali memudaratkan etnik lain, dari apa-apa jua segi. Ini kerana pada masa yang sama, kepentingan sah mereka bukan sahaja terus terpelihara, malah dijamin tetap terlindung pada setiap masa.

Institusi raja pada Perkara 181 dan beberapa tempat lain dalam Perlembagaan Persekutuan adalah tempat perlindungan untuk semua etnik, dan bukannya untuk etnik Melayu sahaja. Ini kerana raja (Melayu) payung kedaulatan yang memberi naungan kepada setiap rakyat tanpa mengira etnik, serta lambang perpaduan yang sering dirujuki rakyat sebagai “Raja Kita”<sup>8</sup>. Dengan kata lain, kesemua ini dinyatakan dengan jelas pada aspek kerakyatan yang memperuntuk bahawa setiap warganegara Tanah Melayu adalah rakyat yang dilindungi secara adil dan saksama oleh raja.

Penerimaan adat Melayu dalam bentuk empat perkara, iaitu agama Islam, bahasa Melayu, kedudukan etnik Melayu dan institusi raja yang kemudiannya

<sup>8</sup> Titah Diraja DYMM Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah tentang Gagasan Penyatupaduan Nasional pada Kongres Majlis Profesor, 10 November 2013 di Hotel Istana, Kuala Lumpur.

dijadikan bahagian penting lagi utama dalam Perlembagaan Persekutuan oleh kepemimpinan dahulu dan diteruskan oleh para pemimpin sekarang, adalah bukan sahaja senantiasa relevan dalam masa 60 tahun ini, dan pada sepanjang hayat negara ini. Ia sesungguhnya penting sekali untuk tujuan identiti budaya dan identiti negara kepada sebuah negara majmuk yang terasnya adalah Melayu, baik dari segi sosiopolitik, sosioekonomi maupun sosiobudaya.

Kini, adat Melayu ini antaranya didekati oleh prinsip kenegaraan dan keadilan sosial pada Gagasan 1Malaysia<sup>9</sup>, yang menganjurkan asas kenegaraan yang adil untuk semua etnik, dengan etnik Melayu sebagai tunjangnya.

### Kesimpulan

Sesungguhnya adat Melayu sebagai landasan penting lagi utama pada Perlembagaan Persekutuan adalah hasil daripada tolak ansur, selain kesedaran dan keinsafan serta muhasabah diri semua etnik. Ia merupakan satu persetujuan dan kompromi besar oleh semua etnik pada 1957, dengan mengambil kira pelbagai kerumitan yang wujud.

Pada masa ini, iaitu 2018, ia, iaitu Perjanjian Etnik 1957 itu, masih merupakan perjanjian antara etnik yang paling agung. Justeru ia sangat-sangat perlu dipertahan dan terus dijadikan satu daripada beberapa ideologi kenegaraan<sup>10</sup>.

Dalam konteks Gagasan 1Malaysia, tolak ansur, kesedaran dan keinsafan serta muhasabah diri ini dimitoskan sebagai kemuliaan hati semua etnik<sup>11</sup>. Ia perlu dilihat sebagai konsesi menyaling yang dipersetuju bersama-sama untuk melindungi hak dan kepentingan semua etnik, walaupun pada mulanya Perjanjian Etnik itu lebih merupakan usulan untuk memperoleh kemerdekaan daripada penjajah Inggeris.

<sup>9</sup> Lihat dokumen **1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**.

<sup>10</sup> Ideologi kenegaraan lain ialah Rukun Negara.

<sup>11</sup> Lihat dokumen **1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**.

Untuk ini, sumbangan etnik lain yang tidak kurang banyaknya pada waktu kemerdekaan dan juga masa ini, khususnya dalam membangunkan negara dari segi ekonomi, lebih-lebih lagi daripada etnik Cina, dan dari segi lain oleh etnik lain, perlu diiktiraf. Begitu juga halnya dengan konsesi yang begitu banyak, yang diberikan oleh etnik Melayu selaku kelompok majoriti lagi dominan, perlu senantiasa diingati oleh etnik lain.

Bidang pendidikan yang mencakupi isu bahasa ibunda adalah masalah paling rumit dalam konteks adat Melayu dan perlembagaan yang dibicarakan dalam tulisan ini dalam pemerintahan negara oleh kepimpinan dahulu dan juga semasa.

Etnik Melayu semenjak dahulu lagi menuntut agar sistem pendidikan negara diadakan dalam satu aliran persekolahan sahaja, dan ia menggunakan bahasa Melayu, yakni bahasa negara sebagai bahasa pengantar satu-satunya. Sekolah vernakular bagi mereka, boleh wujud, tetapi sebagai sekolah swasta atau persendirian sahaja, yakni tidak boleh dibiayai oleh kerajaan.

Bagi etnik lain, yakni Cina dan India, mereka mahu sekolah vernakular dibenarkan wujud sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan negara, yakni dibiayai oleh kerajaan, dan pada kedua-dua tahap rendah dan menengah.

Satu penyelesaian dicapai akhirnya dalam keadaan yang sering kali tegang. Ini akibat daripada kesedaran dan keinsafan ikhlas serta pemahaman yang mendalam oleh semua etnik tentang pentingnya adat Melayu didukung sebagai identiti budaya dan identiti negara untuk negara ini dan rakyatnya.

Penyelesaiannya ialah penggunaan bahasa Melayu yang merupakan bahasa negara sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara. Untuk ini, bahasa Melayu adalah bahasa pengantar di sekolah kebangsaan. Manakala di sekolah vernakular atau jenis kebangsaan , bahasa ibunda

dibenarkan digunakan sebagai bahasa pengantar, dengan syarat bahasa Melayu mesti diajar dan dipelajari sebagai mata pelajaran wajib.

Pada masa yang sama, bahasa ibunda juga dibenarkan diajar dan dipelajari di sekolah menengah, dan boleh diambil sebagai mata pelajaran ujian dalam peperiksaan awam.

Inilah yang dikatakan konsesi menyaling yang memperlihat semua etnik senantiasa membuat pengubahsuaian dan penyesuaian untuk akur dengan prinsip yang telah sama-sama ditetapkan dalam Perjanjian Etnik 1957, khususnya adat Melayu, yang kemudiannya dijadikan sebahagian penting dalam Perlembagaan Persekutuan.

Konsesi menyaling ini sebenarnya adalah unsur penting dalam kemajmukan di negara ini yang walaupun diterajui dan berdasarkan etnik Melayu dalam konteks adat Melayu yang dibicarakan dalam tulisan ini, adalah unsur penting untuk mewujudkan keadilan<sup>12</sup> bagi semua etnik.

Meskipun kemajmukan di negara ini agak unggul sifatnya yang biarpun dianggap “dikuasai” adat Melayu oleh sesetengah pihak, sesungguhnya ia tetap adil, seperti yang diperlihat dalam tulisan ini. Sehubungan keadilan ini, ia sebenarnya menghadapi cabaran besar yang datang daripada golongan muda, khususnya dari etnik lain, yang sering mempersoal dan mempertikai adat Melayu ini, dan enggan menerima sebagai sebahagian penting daripada kehidupan nasional mereka di negara ini.

---

<sup>12</sup> Keadilan ini wujud sebab kemajmukan di negara ini berupa kemajmukan kesamaan (equalitarian pluralism). Dengan ini, ketidaksamaan politik, ekonomi dan sosiobudaya antara etnik dikenal pasti untuk ditangani dalam kerangka besar yang dipersetuju semua etnik, misalnya Dasar Ekonomi Baharu (1971) untuk bidang ekonomi. Melalui kemajmukan kesamaan ini, etnik Melayu, Cina dan India meskipun dengan perbezaan budaya masing-masing yang ketara, didapati secara adil dan saksama sama-sama mengecapi kuasa politik, ekonomi dan budaya, seperti yang dipersetuju pada Perjanjian Etnik 1957 yang kini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Rujukan

**Titah Diraja DYMM Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, 2014. Gagasan Penyatupaduan Nasional.** Putrajaya: Majlis Profesor Negara.

**1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.** Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.

**Malaysia Federal Constitution.** 1978. Kuala Lumpur: Percetakan Negara.

Teo Kok Seong. "Malaysia's Ethnic Relations: The Challenges 50 Years Ahead". Dalam Ho Khek Hua *et al.* (editor), 2010. **Managing Success in Unity.** Putrajaya: Department of National Unity and Integration, Prime Minister's Department. Halaman 7-22.

Teo Kok Seong. "Tanah Air Tercinta Menuju Kegemilangan". **Dewan Budaya, Bilangan 1 (Januari) 2018.** Halaman 24-27.



## BIODATA

### BIODATA PROF. DATO' DR. TEO KOK SEONG

Prof. Dato' Dr. Teo Kok Seong adalah Profesor Bahasa Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau mula berkhidmat di UKM pada 1982 setelah menjadi guru terlatih selama beberapa tahun. Kini beliau berkhidmat sebagai Felo Utama di Institut Kajian Etnik Kebangsaan (yang berada di bawah Jabatan Perdana Menteri dan UKM mulai 2018).

Dari segi kelayakan akademik, Prof. Dato' Dr. Teo memiliki empat ijazah dalam bidang bahasa. Dua diperoleh dari universiti tempatan, iaitu Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian Kelas Pertama dari Universiti Malaya pada 1982, dan Sarjana Persuratan dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1986. Dua lagi diperoleh dari The University of California at Berkeley, Amerika Syarikat, iaitu Masters of Arts pada 1991 dan Doctor of Philosophy pada 1993.

Sehubungan keahlian beliau dalam bidang bahasa, Prof. Dato' Dr. Teo dilantik menganggotai beberapa jawatankuasa bahasa Melayu. Antaranya sebagai Tokoh Bahasa dalam Jawatankuasa Induk Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan Peringkat Kebangsaan, dan juga dalam Jawatankuasa Kecil Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan Sektor Pendidikan, ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan, ahli Jawatankuasa Bahasa, Lembaga Pengelola, Dewan Bahasa dan Pustaka, ahli Jawatankuasa Pakar Bahasa dan Persuratan Bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 atau Akta 645, Jabatan Warisan Negara, dan ahli Jawatankuasa Induk Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu, Kementerian Pendidikan Tinggi.

Atas keahlian dan sumbangan Prof. Dato' Dr. Teo dalam bahasa Melayu, beliau dianugerahkan Tokoh Pemartabat Bahasa Melayu Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2012, oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, dan Ikon Pejuang Bahasa 2015 (Kategori Akademia), anugerah khas Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam.

Untuk pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan, yang siap diuruskan oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Teo adalah Timbalan Ketua Pasukan Penyelidik untuk Fasa 1 dan juga ahli Jawatankuasa Pemandu Pembangunan.

Atas keprihatinan beliau dalam soal pembentukan negara bangsa, khususnya pemupukan semangat nasionalisme dan patriotisme, Prof. Dato' Dr. Teo dilantik sebagai panel penasihat di Akademi Kenegaraan dan Penasihat Kehormat kepada Yayasan Patriot Negara Malaysia, serta Ikon Patriotik Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2017 oleh Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Untuk melestarikan keharmonian kaum di negara ini, beliau merupakan ahli Jawatankuasa Induk Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri, selain ikut dilantik sebagai ahli bersekutu International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS) Malaysia.

Dalam Majlis Profesor Negara, Prof. Dato' Dr. Teo adalah Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya.